

HUBUNGAN SOKONGAN SOSIAL DAN KECERDASAN EMOSI: PERSPEKTIF PELAJAR PSIKOLOGI DI UMS

Nur Alya Maisarah Jayazino¹, Norsimah Dasan^{2*}

¹Faculty Of Psychology And Social Work, University Malaysia Sabah
nuralyamysara94@gmail.com

*corresponding author email: norsimahdasan@ums.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara sokongan sosial dan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar psikologi di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Pelajar psikologi diandaikan memiliki kestabilan emosi dan kehidupan sosial yang baik, serta kemampuan untuk menguruskan emosi dan sokongan sosial mereka dengan lebih cekap berikutan latar belakang akademik mereka dalam bidang psikologi. Kecerdasan emosi, yang merujuk kepada keupayaan individu untuk mengenali, memahami, dan mengurus emosi diri sendiri dan orang lain, terdiri daripada lima komponen utama: kesedaran diri, pengawalan sendiri, motivasi, empati, dan kemahiran sosial (Goleman). Sampel kajian ini melibatkan 207 pelajar psikologi di UMS, dan data dikumpulkan menggunakan satu set soal selidik yang *mengandungi Multidimensioal Perspective of Social Support Scale (MPSS)* dan Instrumen Kecerdasan Emosi Goleman. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua sokongan sosial dan kecerdasan emosi berada pada tahap yang tinggi dalam kalangan sampel. Analisis korelasi pula mendapati bahawa sokongan sosial mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecerdasan emosi, yang menunjukkan bahawa pelajar psikologi yang menerima sokongan sosial yang tinggi cenderung mempunyai kecerdasan emosi yang juga tinggi. Implikasi utama daripada dapatan ini adalah bahawa sokongan sosial memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar, yang boleh memberi kesan positif kepada kesejahteraan psikologi mereka. Dapatan ini juga memberi gambaran bahawa pelajar psikologi yang lebih berpengetahuan tentang teori-teori psikologi berkemungkinan dapat memanfaatkan sokongan sosial dengan lebih baik untuk memperbaiki kecerdasan emosi mereka. Oleh itu, penyediaan sokongan sosial yang lebih berstruktur dalam bentuk program mentor, kaunseling, dan aktiviti sosial dapat meningkatkan kecerdasan emosi pelajar, yang seterusnya memberi manfaat kepada pembangunan peribadi dan profesional mereka. Perbandingan antara bidang pengajian dan kaedah kualitatif adalah dicadangkan kepada kajian yang akan datang.

Kata Kunci: Sokongan sosial, kecerdasan emosi, pelajar universiti, psikologi.

PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG

Dunia psikologi menuntut individu untuk lebih mendalami emosi manusia serta dinamik intrapersonal yang terjadi dalam diri manusia. Sebagai perintis masa depan dan juga merupakan tunggak yang bakal meneruskan legasi dalam dunia kesihatan mental ini, pelajar psikologi dituntut untuk memiliki kestabilan emosi serta kehidupan sosial yang baik. Mereka diandaikan dapat menguruskan kehidupan dengan baik samada dari aspek pengurusan emosi atau sokongan sosial selaras dengan latar belakang akademik mereka di mana pelajar jurusan psikologi di anggap lebih mahir dengan konsep-konsep melibatkan ilmu psikologi (Kaur et al, 2012). Bagi mengatasi cabaran di alam pekerjaan, pelajar psikologi perlulah menyediakan diri mereka terutamanya dari aspek mental. Mereka perlulah memiliki kestabilan dari segi emosi serta rangkaian sosial yang baik agar dapat mengatasi permasalahan dari sudut pengurusan tekanan, pembinaan hubungan dengan orang sekeliling dan sebagainya. Jika tidak, para pelajar ini pasti akan berhadapan dengan kesusahan ketika beradaptasi dengan suasana yang baru nanti. Menurut Kalthum (2023), beliau menyatakan Individu yang memiliki kecerdasan minda yang tinggi tidak semestinya mampu mengawal emosi mereka dengan baik. Oleh itu, kecerdasan emosi dan sokongan sosial memainkan peranan penting dalam kesejahteraan mental mereka.

Sokongan sosial terutamanya dari keluarga, rakan-rakan dan orang penting membantu mereka mengurus tekanan akademik dan emosi yang biasanya sangat berat disebabkan oleh beban tugas, ekonomi, pembelajaran dan sebagainya. Hubungan sosial yang kukuh boleh meningkatkan kebahagiaan dan, membantu pelajar berasa lebih terhubung, tidak sendirian dan dihargai. Dengan adanya sokongan sosial sebagai benteng terhadap tekanan dan sumber sokongan, pelajar pasti dapat berkembang maju walaupun menghadapi pelbagai cabaran yang mendatang. Selain itu, mempunyai kecerdasan emosi juga turut membantu pelajar dalam memahami dan mengurus perasaan mereka, bergaul dengan orang lain, dan membina hubungan yang kukuh. Kecerdasan emosi membantu individu memahami dan menguruskan perasaan mereka, bergaul dengan orang lain serta membina hubungan yang kukuh dengan individu lain. Kecerdasan emosi

memainkan peranan dalam mengelola emosi mereka yang kompleks sepanjang tempoh pembelajaran seperti rasa tersisih, cemburu, marah dan sebagainya. Kombinasi di antara sokongan sosial dan kecerdasan emosi yang tinggi membantu pelajar sebagai suatu landasan kukuh bagi perkembangan yang teratur sebelum menghadapi alam pekerjaan.

Pemahaman terhadap hubungan antara sokongan sosial dan kecerdasan emosi adalah penting terutamanya bagi pelajar universiti yang menghadapi pelbagai tekanan akademik dan sosial. Dalam persekitaran akademik, kepentingan kecerdasan emosi ditekankan oleh tuntutan yang diberikan kepada pelajar untuk cemerlang dalam akademik sambil mengekalkan kesejahteraan emosi dan psikologi.

Kecerdasan emosi boleh ditakrifkan sebagai keupayaan untuk memahami emosi dengan betul, memahami, menilai dan mengurusnya dengan berkesan. Hal ini dapat dilihat melalui individu yang menggunakan emosi untuk membantu mereka berfikir dan mengurus emosi dengan berkesan sekaligus menggalakkan pertumbuhan intelek dan emosi (Lopez-Zafra et al., 2019). Menurut kajian dari Azpiazu (2023) kecerdasan emosi juga turut dianggap sebagai peramal bagi meramal kesihatan individu dan kesejahteraan subjektif mereka. Kecerdasan emosi (KE) memainkan peranan penting dalam pembangunan akademik dan peribadi pelajar psikologi kerana ia membantu mereka memahami dan mengurus emosi mereka sendiri dan orang lain, dan menggunakan kesedaran ini untuk membimbing pemikiran dan tingkah laku. Pelajar yang mempunyai KE tinggi cenderung untuk menunjukkan pencapaian akademik yang lebih baik, kesihatan mental yang lebih baik dan hubungan interpersonal yang lebih positif (Edara, 2021).

Konsep sokongan telah dikaji dan dibangunkan secara meluas oleh pelbagai penyelidik dalam bidang psikologi, sosiologi, dan sains kesihatan. Salah satu perintis awal dalam bidang ini ialah Sidney Cobb, pada tahun 1976. Beliau telah menyifatkan sokongan sosial sebagai maklumat yang membawa subjek untuk mempercayai bahawa mereka dijaga dan disayangi, dihormati, dan sebahagian daripada kelompok. Sokongan sosial memainkan peranan penting dalam kehidupan pelajar psikologi, yang

mempunyai kesan yang besar terhadap kesejahteraan psikologi mereka dan prestasi akademik yang optimum. Dalam persekitaran yang sering menuntut dan tertekan, mempunyai rangkaian sosial yang kukuh boleh menjadi sokongan yang tidak ternilai untuk pelajar. Melalui sokongan emosi dan praktikal daripada rakan pelajar, fakulti dan keluarga, pelajar psikologi boleh mendapatkan sokongan yang mereka perlukan untuk menghadapi cabaran akademik dan tekanan belajar dengan lebih baik (Zakaria.M.F & Deraman.S., 2019).

Di samping itu, sokongan sosial yang kuat juga boleh meningkatkan motivasi dan kesejahteraan keseluruhan, mewujudkan persekitaran yang menyokong pertumbuhan dan perkembangan positif untuk pelajar psikologi. Kajian dari (Zakaria et al., 2020) menekankan kepentingan sokongan sosial dan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar psikologi. Ia menunjukkan bahawa sokongan sosial yang kuat dari keluarga, rakan-rakan dan rakan sebaya dapat membantu pelajar menguruskan tekanan akademik dan emosi, meningkatkan kebahagiaan, dan merasa lebih terhubung serta dihargai.

Pelajar program psikologi pasti tidak lari dari tekanan terutamanya apabila pembelajaran mereka sepenuhnya menjurus kepada pemahaman terhadap tingkah laku manusia. Dalam persekitaran pembelajaran yang mencabar, mereka dihadapkan dengan tugas akademik yang mencabar seperti tugas-tugas, peperiksaan, hubungan sosial serta jadual yang padat. Mereka juga harus menghadapi cabaran pengurusan waktu, jadual, dan keutamaan terhadap tugas-tugas yang mencabar (Nordin Ajmain et al., 2023). Selain itu, mereka juga perlu menghadapi cabaran unik dalam menguruskan emosi, seperti mengendalikan klien dengan permasalahan yang unik dan sesekali yang mencetuskan tindak balas emosi yang mendalam atau tugas yang memerlukan mereka untuk mengkaji topik sensitif yang boleh menjejaskan kesejahteraan emosi mereka. Semua ini menambah tekanan pada pelajar psikologi yang umumnya perlu memiliki kestabilan emosi dan kawalan diri yang tinggi. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan setiap pelajar ini memiliki tahap sokongan sosial yang secukupnya agar mereka dapat mengatasi cabaran ini dengan berkesan dan berjaya menamatkan program pengajian mereka.

Kajian terdahulu menunjukkan

bahawa pelajar yang mempunyai tahap sokongan sosial yang tinggi cenderung untuk mempunyai kecerdasan emosi yang lebih baik, yang seterusnya boleh meningkatkan kebolehan mereka untuk menguruskan tekanan akademik dan emosi (Hidalgo-Fuentes et al., 2024). Ini dapat membantu mereka dalam menguruskan tekanan akademik dengan lebih baik dan meningkatkan kesejahteraan psikologi mereka serta memberikan mereka rasa kestabilan, ketenangan fikiran, dan kemudahan psikologi, memberi kesan positif kepada keadaan emosi mereka dan mendorong mereka untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka (Akuma, 2023). Oleh itu, adalah penting untuk mengukur tahap sokongan sosial dan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar psikologi untuk menyediakan intervensi yang sesuai dan efektif bagi membantu mereka mempersiapkan diri selengkapnya sebelum memasuki alam pekerjaan. Selain itu kajian bertujuan untuk mengesahkan hubungan di antara sokongan sosial dan kecerdasan emosi dalam konteks pelajar program psikologi.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

- i. Menentukan tahap sokongan sosial dan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar program psikologi.
- ii. Mengenalpasti hubungan antara sokongan sosial dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar program psikologi.

METODOLOGI

Rekabentuk kajian

Rekabentuk kajian yang dipilih ialah penyelidikan kuantitatif. Menurut Creswell and Creswell (2018), kajian kuantitatif merupakan suatu pendekatan di mana penyelidik mengumpulkan data dan menganalisis menggunakan teknik statistik bagi memahami suatu fenomena tertentu dengan menggunakan alat ukur seperti soal selidik bagi memperolehi data yang dapat dianalisis secara objektif bagi menjawab persoalan kajian. Penyelidikan kuantitatif dipilih kerana ia dapat memudahkan penyelidik dalam untuk mengukur hubungan serta perbezaan di antara pemboleh ubah yang dipilih iaitu sokongan sosial, kecerdasan emosi serta perbezaan jantina. Kaedah yang digunakan ialah kaedah tinjauan iaitu pengagihan borang secara dalam talian di mana responden

perlu mengisi *google form* yang mengandungi instrument kajian.

Reka bentuk kajian yang dipilih menjadi rujukan utama kepada pengkaji untuk merangka sesuatu kajian. Menurut Ali (2021), penyelidikan kuantitatif ini dapat digunakan untuk memudahkan penyelidik mengukur pendapat, sikap, perilaku seseorang individu dan juga hubungan pemboleh ubah yang telah ditentukan oleh pengkaji bagi sesuatu kajian dengan matlamat untuk melihat sekiranya terdapat hubungan atau tidak mengenai sesuatu topik kajian tertentu dan ia juga sesuai untuk digunakan bagi jumlah populasi kajian yang lebih banyak. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kuantitatif secara tinjauan (*survey*) berasaskan soal selidik. Menurut (Memon et al., 2020), kaedah penyelidikan yang menggunakan tinjauan bagi tujuan untuk mengumpulkan data daripada satu kumpulan responden yang telah dikenal pasti bagi membolehkan pengkaji untuk mengumpulkan maklumat serta maklum balas mengenai berbagai topik yang menarik.

Persampelan kajian

Responden bagi kajian ini ialah terdiri daripada pelajar program psikologi Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah. Pemilihan sampel ini disebabkan latar belakang pelajar psikologi dipercayai lebih terdedah dengan teori-teori berkaitan sokongan sosial dan kecerdasan emosi melalui kurikulum pembelajaran mereka. Hal ini menjadikan mereka mempunyai kecenderungan untuk lebih peka terhadap dua aspek ini berbanding pelajar program lain. Mereka memiliki kebarangkalian yang lebih tinggi untuk menerapkan aspek sokongan sosial dan kecerdasan emosi dalam kehidupan harian mereka. Ini secara tidak langsung menjadikan mereka sampel yang sangat menarik untuk dikaji.

Persampelan yang dipilih ialah persampelan rawak mudah. Persampelan Rawak Mudah digunakan bagi memberi peluang kepada setiap pelajar untuk dipilih dalam kajian ini. Sampel diambil dalam kalangan pelajar program psikologi di Universiti Malaysia Sabah. Seramai 207 orang peserta sebagai saiz sample telah terlibat dalam kajian ini.

Alat kajian/instrument kajian

Terdapat dua instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini iaitu *Multidimensional Scale of Perceived Social Support* (MSPSS yang direka oleh Zimet et al., (1988) dan Inventori Kecerdasan Emosi yang dibangunkan oleh Goleman (1995).

i. *The Multidimensional Scale of Perceived Social Support* (MSPSS)

Alat kajian ini dibangunkan oleh Zimet et al. (1988), adalah untuk mengukur sokongan sosial melalui 12 item. Skala versi Bahasa Inggeris ini telah digunakan secara meluas dan telah menunjukkan sifat psikometrik yang memuaskan. Skala ini menggunakan skala Likert 7 mata (antara 1 = sangat sangat tidak setuju hingga 7 = sangat sangat setuju) bagi menilai tiga

subskala sokongan sosial iaitu Keluarga (item 3, 4, 8, dan 11), Rakan (item 6, 7, 9 dan 12) dan orang yang signifikan (item 1, 2, 5, dan 10). Jumlah markah antara 12 hingga 84, dengan skor dibahagikan dengan 7 untuk mengkategorikan tahap sokongan sosial. Skor min antara 1-2.9 menunjukkan sokongan sosial yang rendah, 3-5 menunjukkan sokongan sederhana, dan 5.1-7 menunjukkan sokongan tinggi (Zimet et al., 1988). Menurut kajian dari Eng et al. (2023) yang (sebagaimana dikutip dalam Ng et al., (2010) menyatakan bahawa MSPSS yang telah diterjemahkan ke versi Bahasa Melayu (MSPSS-M) menunjukkan ciri psikometrik yang sangat baik dengan nilai alpha Cronbach yang tinggi seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1 Ketekalan Dalam Cronbach's Alpha bagi tiga dimensi *Instrument Multidimensional Scale of Perceived Social Support* (MSPSS)

Dimensi	Item	Cronbach Alpha
Keluarga	3,2,8,11	0.799
Rakan	6,7,9,12	0.892
Orang yang signifikan	1,2,5,10	0.855

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian untuk analisis demografi responden, ditunjukkan dalam jadual 3 di bawah.

Jadual 3 Demografi Responden

Pembolehubah	Frekuensi	Peratusan
Jantina		
Lelaki	37	17.9 %
Perempuan	170	82.1 %
Tahun Pengajian		
Tahun 1	42	20.3 %
Tahun 2	44	21.3 %
Tahun 3	120	58.0 %
Tahun 4	1	5.0 %
Program Pengajian		
Psikologi Kanak-Kanak dan Keluarga	83	40.1 %
Psikologi Kaunseling	38	18.4 %
Psikologi Belia dan Komuniti	41	19.8 %
Psikologi Industri dan Organisasi	45	21.7 %

Seramai 207 orang responden terlibat dalam kajian ini. 37 (17.9%) orang ialah lelaki dan 170 (82.1%) orang ialah perempuan. Bagi tahun

pengajian, sebanyak 42 (20.3%) orang responden daripada Tahun 1, 44 (21.3%) orang responden daripada Tahun 2, 120 (58.0%) orang

dari Tahun 3 dan Tahun 4 adalah seramai 1 (5.0%) orang. Selain itu, bilangan responden dari Program Psikologi Kanak-kanak dan Keluarga ialah seramai 83 (40.1%) orang, Psikologi Kaunseling seramai 38 (18.4%) orang, Psikologi Belia dan Komuniti seramai 41 (19.8%) dan Psikologi Industri dan Organisasi seramai 45 (21.7%) orang.

Seterusnya adalah statistik deskriptif untuk kecerdasan emosi dan sokongan sosial di kalangan 207 peserta. Jadual 4 menunjukkan bahawa skor sokongan sosial adalah antara 2.08 hingga

7.00, dengan min 5.594 (SD = 0.883), menunjukkan tahap sokongan sosial yang tinggi secara amnya. Skor kecerdasan emosi adalah antara 2.78 hingga 4.70, dengan min 3.833 (SD = 0.465), menunjukkan bahawa peserta secara amnya mempunyai kecerdasan emosi yang sederhana tinggi. Penemuan ini menyerlahkan tahap sederhana tinggi bagi kecerdasan emosi dan tahap tinggi bagi sokongan sosial di kalangan peserta.

Jadual 4 Tahap Kecerdasan Emosi dan Sokongan Sosial

	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Kecerdasan Emosi	207	2.78	4.70	3.833	.465
Sokongan Sosial	207	2.08	7.00	5.594	.883
N Valid (listwise)	207				

Bagi menganalisis hubungan, analisis korelasi Pearson telah digunakan. Jadual 5 menunjukkan sokongan sosial mempunyai hubungan signifikan dengan

kecerdasan emosi, $r(207) = .525, p < .001$. Ini menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi yang tinggi dikaitkan dengan tahap sokongan sosial yang lebih tinggi.

Jadual 5: Hubungan Sokongan Sosial dengan Kecerdasan Emosi

Pemboleh ubah	Kecerdasan Emosi
Sokongan Sosial	0.525**

** $p < .01, n = 207$

PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan pelajar program psikologi di universiti Malaysia Sabah memiliki tahap sederhana tinggi bagi kecerdasan emosi dan tahap tinggi bagi sokongan sosial di kalangan responden. Ia mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti pengaruh pendidikan dan persekitaran akademik yang mendedahkan pelajar program psikologi terhadap interaksi sosial dan Pendidikan yang mendorong mereka untuk memahami dan menguruskan emosi dengan lebih baik memandangkan pelajar psikologi sering terdedah dengan kepentingan kesihatan mental. Selain itu pelajar program psikologi biasanya menekankan kepentingan perkembangan peribadi dan profesional. Hal ini kerana mereka perlu menghadapi cabaran unik dalam menguruskan emosi,

seperti mengendalikan klien dengan permasalahan yang unik dan sesekali yang mencetuskan tindak balas emosi yang mendalam atau tugas yang memerlukan mereka untuk mengkaji topik sensitif yang boleh menjejaskan kesejahteraan emosi mereka. Semua ini membantu melatih pelajar psikologi memiliki kestabilan emosi dan kawalan diri yang tinggi. Seterusnya, hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa sokongan sosial berkorelasi secara positif dengan kecerdasan emosi. Semakin tinggi sokongan sosial maka semakin tinggi tahap kecerdasan emosi. Kajian ini selaras dengan hasil kajian dari (Samuel et al., 2023) mencadangkan tahap kecerdasan emosi yang tinggi meletakkan nilai yang lebih besar pada pengalaman interaksi yang terhasil daripada sokongan sosial yang

diterima daripada sumber yang berbeza berbanding remaja yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang lebih rendah, seterusnya membawa kepada kepuasan hidup yang lebih besar .

Hubungan antara kecerdasan emosi dan sokongan sosial kebanyakannya positif, menunjukkan bahawa kecerdasan emosi yang lebih tinggi dikaitkan dengan sokongan sosial yang lebih besar. Penemuan utama daripada literatur mendedahkan bahawa kecerdasan emosi berkorelasi positif dengan sokongan sosial yang dirasakan, membolehkan individu membentuk dan mengekalkan hubungan sosial bagi meningkatkan kesejahteraan keseluruhan dan kepuasan hidup pelajar (Ullah et al., 2023). Tambahan pula, kecerdasan emosi memainkan peranan sederhana dalam perhubungan antara sokongan sosial dan kepuasan hidup, menunjukkan bahawa ia boleh meningkatkan faedah yang diperolehi daripada sokongan sosial, yang membawa kepada strategi daya tindak yang lebih baik dan kepuasan hidup secara keseluruhan (Hidalgo-Fuentes et al., 2024).

Penemuan ini mempunyai implikasi yang signifikan terhadap inisiatif pendidikan dan campur tangan psikologi di universiti. Penyelidikan ini berpotensi dalam menyumbangkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap sokongan sosial dan kecerdasan emosi pelajar. Antara signifikasinya ialah menambah baik strategi bagi membantu pelajar yang mengalami masalah dari segi emosi atau sosial. Hal ini kerana, hasil penyelidikan dapat membantu kita memahami perbezaan keperluan dan keinginan yang diperlukan untuk menambah baik aspek sokongan sosial yang diterima atau kecerdasan emosi yang dimiliki oleh pelajar. Dengan memahami perbezaan ini, kaedah intervensi boleh disesuaikan dengan lebih baik untuk memenuhi keperluan pelajar program psikologi. Selain itu, kajian ini dapat memberi sumbangan yang besar kepada penambahbaikan sistem pendidikan di institusi pengajian tinggi. Hasil kajian ini dapat menekankan kepentingan sokongan sosial kepada pelajar yang boleh mempengaruhi kecerdasan emosi mereka, serta membendung masalah tekanan yang dihadapi oleh pelajar. Dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang hubungan antara sokongan sosial dan kecerdasan emosi, institusi pengajian tinggi boleh menyediakan lebih banyak inisiatif untuk membantu pelajar meningkatkan aspek ini.

Seterusnya, kajian ini penting sebagai panduan untuk kajian akan datang. Hasil kajian ini dapat memberi inspirasi dan maklumat untuk melanjutkan pelajaran sama ada dalam bidang yang sama mahupun bidang yang berkaitan. Dengan menyediakan asas yang kukuh, kajian ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dan penemuan baharu, serta memberi manfaat yang lebih luas kepada masyarakat.

Terdapat beberapa limitasi yang dihadapi sepanjang menjalankan kajian ini antaranya ialah bias dan kejujuran responden. Hal ini kerana responden mungkin tidak jujur dalam menjawab boring kaji selidik atas beberapa faktor seperti kekangan masa memandangkan kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar, umum sedia maklum akan kesibukan para pelajar menyebabkan mereka menjawab dalam keadaan tergesa-gesa. Selain itu boring kaji selidik memiliki banyak soalan iaitu 50 soalan pada bahagian kecerdasan emosi dan 12 pada bahagian sokongan sosial. Seterusnya ialah keterbatasan waktu. Hal ini menyebabkan hanya 207 peserta yang diperolehi. Menurut Krejcie & Morgan (1970) saiz sampel yang besar memberikan anggaran parameter populasi yang lebih tepat, seperti purata atau peratusan. Ini boleh mengurangkan interval keyakinan (confidence interval) dan memberikan keputusan yang lebih tepat dan boleh dipercayai..

Kajian lanjut boleh dijalankan untuk memperluas penemuan ini seperti mengkaji hubungan di antara kecerdasan emosi pelajar dengan kepuasan hidup sertastress yang dihadapi. Kajian ini juga boleh dijalankan terhadap pelajar program selain dari pelajar psikologi untuk mengkaji samada pembelajaran kurikulum dan keterdedahan mereka terhadap ilmu psikologi mempengaruhi tahap kecerdasan emosi dan sokongan sosial pelajar. Kajian seterusnya boleh difokuskan untuk membandingkan data antara pelbagai program dapat memberikan gambaran yang lebih luas mengenai bagaimana sokongan sosial dan kecerdasan emosi berinteraksi dalam konteks yang berbeza

KESIMPULAN

Hasil kajian ini mengesahkan hipotesis bahawa terdapat hubungan positif antara kecerdasan emosi dan sokongan sosial. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang lebih tinggi cenderung untuk mempunyai sokongan sosial yang lebih baik.

Kemampuan ini boleh membantu mereka dalam menguruskan tekanan dan meningkatkan kesejahteraan keseluruhan mereka. Kajian ini memberikan sumbangan penting kepada pemahaman kita tentang peranan kecerdasan emosi dan sokongan sosial dalam kehidupan pelajar universiti, dan menyediakan asas untuk kajian lanjut dan intervensi yang lebih berkesan dalam bidang ini.

Kenyataan Persetujuan Termaklum

Keberanian untuk menjalankan kajian bagi tujuan penyelidikan ini telah diperolehi oleh semua responden, yang dimaklumkan sepenuhnya tentang tujuan penyelidikan ini dan bagaimana respons mereka akan digunakan dan disimpan.

Konflik Kepentingan

Tiada konflik kepentingan yang dihasilkan dari kajian ini

Pernyataan Etika

Kajian yang dijalankan mengikut standard etika penyelidikan.

Rujukan.

- Akuma, E. O. (2023). *Emotional Intelligence and Social Support as Predictors of University Students Academic Achievement*. *Ejigu Olana Abstract*. This study aimed to examine the Emotional Intelligence and Soc ... October.
- Ali, A. (2021). Quantitative research tools. *IARS' International Research Journal*, 1(May), 1–10. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.30033.25442>
- Antonio-Agirre, I., Rodríguez-Fernández, A., & Revuelta, L. (2019). Social support, emotional intelligence and academic performance in secondary education. *European Journal of Investigation in Health, Psychology and Education*, 9(2), 109–118. <https://doi.org/10.30552/ejihpe.v9i2.324>
- Azpiazu, L., Antonio-Agirre, I., Fernández-Zabala, A., & Escalante, N. (2023). How Does Social Support and Emotional Intelligence Enhance Life Satisfaction Among Adolescents? A Mediation Analysis Study. *Psychology Research and Behavior Management*, 16(June), 2341–2351. <https://doi.org/10.2147/PRBM.S413068>
- Cobb S. (1976). Presidential Address-1976. Social support as a moderator of life stress. *Psychosomatic medicine*, 38(5), 300–314. <https://doi.org/10.1097/00006842-197609000-00003>
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and Mixed Methods Approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Edara, I. R. (2021). Exploring the relation between emotional intelligence, subjective wellness, and psychological distress: A case study of university students in Taiwan. *Behavioral Sciences*, 11(9). <https://doi.org/10.3390/BS11090124>
- Encyclopedia of social measurement. (2005b). *Choice Reviews Online*, 42(10), 42–5629. <https://doi.org/10.5860/choice.42-5629>
- Eng, S. Y., Guan, T. E., & Halik, M. (2023). Social Support Among Counseling Students in Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8(49), 229–238. <https://doi.org/10.35631/ijepc.849016>
- Goleman, D. (1998). *Working with Emotional Intelligence*. https://stephanehaefliger.com/campus/biblio/017/17_39.pdf
- Hidalgo-Fuentes, S., Martínez-Álvarez, I., Sospedra-Baeza, M. J., Martí-Vilar, M., Merino-Soto, C., & Toledano-Toledano, F. (2024). Emotional Intelligence and Perceived Social Support: Its Relationship with Subjective Well-Being. *Healthcare*, 12(6), 634. <https://doi.org/10.3390/healthcare12060634>
- Kalthum, U., Razif, A., & Aripin, S. N. (2023). *Hubungan Antara Personaliti Dengan Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai Johor*. 8(Ii), 181–192.
- Kaur, H., Singh, V., & Singh, P. (2012). Emotional intelligence: Significance of psychology and spirituality. *Pakistan Journal of Social and Clinical Psychology*, 9(2), 32–36.

- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
<https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Lopez-Zafra, E., Ramos-álvarez, M. M., El Ghoudani, K., Luque-Reca, O., Augusto-Landa, J.M., Zarhbouch, B., Alaoui, S., Cortés-Denia, D., & Pulido-Martos, M. (2019). Social support and emotional intelligence as protective resources for well-being in Moroccan adolescents. *Frontiers in Psychology*, 10(JULY).
<https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.01529>
- Memon, M. A., Ting, H., Cheah, J. H., Thurasamy, R., Chuah, F., & Cham, T. H. (2020). Sample size for survey research: Review and recommendations. *Journal of Applied Structural Equation Modeling*, 4(2), i–xx.
[https://doi.org/10.47263/jasem.4\(2\)01](https://doi.org/10.47263/jasem.4(2)01)
- Nordin Ajmain, Mohammad Ali, & Azizi Yahaya, Balan Rathakrishnan & Eliysia Mohiding. (2023). Tekanan Akademik Dan Kawalan Diri Terhadap Tahap Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Sabah Semasa Pandemik Covid-19. *Journal of Southeast Asia Psychology (SAPJ)*, 11(2), 17.
<https://doi.org/10.51200/sapj.v11i2.49>
- 06
- Samuel, R., Osman, I., & Lopez, G. P. (2023). Effect of Perceived Social Support on Emotional Intelligence of Malaysian Service Sector Employees. *Journal of ASIAN Behavioural Studies*, 8(24), 19–37.
<https://doi.org/10.21834/jabs.v8i24.421>
- Ullah, M. S., Akhter, S., Aziz, M. A., & Islam, M. (2023). Social support: mediating the emotional intelligence-academic stress link. *Frontiers in Psychology*, 14(September).
<https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.1218636>
- Zakaria.M.F, Y. F. & Deraman.S. (2019). Hubungan Sokongan Sosial Dan Pengertian Hidup Dalam the Relationship Between Social Support and Meaning in Life Among Students in Kolej Kemahiran Tinggi Mara , Masjid Tanah. *Jurnal Sains Sosial*, 4(1), 44– 53.
- Zakaria, A., Yusof, F., Melaka, U., & Deraman, S. (2020). *THE RELATIONSHIP BETWEEN SOCIAL SUPPORT AND MEANING IN LIFE. January.*
- Zimet, G. D., Dahlem, N. W., Zimet, S. G., & Farley, G. K. (1988b). The multidimensional scale of perceived social support. *Journal of Personality Assessment*, 52(1), 30–41.
https://doi.org/10.1207/s15327752jpa5201_2